



Sudah Tiba Masanya

Singapore People's Party

新加坡人民党

PARTI RAKYAT SINGAPURA

சிங்கப்பூர் மக்கள் கட்சி

MANIFESTO 2025

Please scan this QR code for the manifesto in English.



请扫描此二维码，查看中文竞选宣言。



**கட்சி அறிக்கையைத் தமிழில் படிக்க இந்தக்
QR குறியீடக் டஸ் தகன் பசய்யவும்**



Sudah Tiba Masanya

Masa Depan untuk Setiap Generasi

Rakan Sesama Singapura,

Sambil kita menghampiri hari pengundian, Parti Rakyat Singapura (SPP) mengajak anda untuk meneliti manifesto kami yang menangani cabaran-cabaran semasa yang kian meningkat.

Berpandukan kepada prinsip **Akauntabiliti, Komitmen dan Empati** (A.C.E), kami berhasrat untuk memupuk sebuah masyarakat yang mampan dan adil bagi semua generasi.

Bersandarkan pada wawasan 2020 kami, manifesto ini menggabungkan pandangan baharu yang menyeluruh untuk memenuhi keperluan rakyat Singapura yang semakin berkembang.

Sertailah kami dalam usaha membentuk sebuah Singapura yang demokratik dan inklusif.

Steve Chia
Secretary-General

Tema 1

Kestabilan Ekonomi dan Kesaksamaan

Peningkatan Kos Sara Hidup dan Inflasi

Warga Singapura kini berdepan dengan peningkatan kos sara hidup yang mendadak, manakala gaji kekal mendatar. Keadaan ini menekan golongan belia yang sedang berjimat untuk masa depan, keluarga yang membesarkan anak-anak, serta warga emas yang semakin kekurangan dana persaraan.

SPP Mencadangkan

- **Subsidi Tahunan Tetap:** Sebarang lebihan belanjawan tahunan pemerintah akan diagihkan sebagai baucar CDC kepada semua warga Singapura, dengan bantuan tambahan kepada golongan berpendapatan rendah. Langkah ini memastikan belanjawan yang seimbang sambil mengurangkan beban kewangan rakyat.
- **Pembekuan GST:** Hentikan sebarang kenaikan GST sehingga defisit belanjawan terkumpul melebihi 3% daripada hasil pendapatan negara selama tiga tahun berturut-turut, demi melindungi kuasa beli rakyat.
- **Polisi Gaji Sara Hidup:** Perluaskan dan laksanakan dasar gaji sara hidup yang menjamin pekerja dan keluarga berpendapatan rendah dapat memenuhi keperluan asas serta mengurangkan tekanan kewangan harian.
- **Percukaian Progresif:** Naikkan cukai pendapatan bagi 2% penerima tertinggi dan perkenalkan semula duti harta pusaka untuk individu yang mempunyai nilai bersih yang sangat tinggi — sebagai sumber pembiayaan bagi langkah-langkah pelepasan yang lebih adil.

Tema 2

Pekerjaan dan Keselamatan Kerja

Ketidakpastian Pekerjaan, Pengangguran

Ketidakpastian pekerjaan — daripada automasi, kebimbangan terhadap pemberhentian kerja, kekurangan peluang pekerjaan, dan persaingan dengan bakat asing — menjejaskan golongan belia yang baru memasuki tenaga kerja, para pekerja dewasa, serta warga emas yang hampir bersara.

SPP Mencadangkan

- **Insentif Pelantikan Tempatan:** Tawarkan pelepasan cukai kepada perniagaan yang mengutamakan pengambilan PMET Singapura merentas semua peringkat umur. Naikkan Gaji Kelayakan Tempatan dan kuatkuasakan kuota pelantikan pekerja tempatan yang lebih tinggi bagi memastikan gaji yang adil dan kompetitif.
- **Perlindungan Undang-undang:** Kodkan garis panduan TAFEP (Perikatan Tiga Pihak bagi Amalan Pekerjaan Adil dan Progresif) sebagai undang-undang, dengan mewajibkan proses pelantikan dan manfaat pemberhentian kerja yang adil — bagi menjamin ekuiti yang boleh dikuatkuasakan secara sah.
- **Persaraan Fleksibel:** Mansuhkan umur persaraan berkanun yang telah lapuk iaitu 63 tahun, dan beri pilihan kepada individu untuk menentukan bila mereka mahu bersara. Tawarkan insentif cukai korporat kepada majikan yang menggaji warga emas yang ingin terus bekerja selepas usia 70 tahun.
- **Semak semula perjanjian CECA dengan India mengenai penanganan masalah aliran masuk buruh.**
- **Pengurangan Kuota:** Kurangkan secara berperingkat kuota khas Pas Pekerjaan dan nisbah tanggungan dalam sektor yang boleh diautomasi. Galakkan automasi serta peralihan ke arah ekonomi berkemahiran tinggi dan bernilai tambah, dengan menekankan sektor pembuatan dan perkhidmatan berteknologi tinggi yang kurang bergantung kepada tenaga kerja asing.

Tema 3

Keselamatan Perumahan dan Persaraan

Kemampuan Perumahan, Kecukupan Persaraan

Harga hartanah persendirian yang tinggi serta susut nilai pajakan flat HDB semakin membebaskan pembeli dan pemilik rumah di Singapura. Golongan bujang muda dan keluarga yang mencari perumahan pertama atau ingin berpindah ke rumah yang lebih besar, serta warga emas yang memerlukan pilihan untuk mengecilkan saiz rumah, harus diberikan perhatian sewajarnya.

SPP Mencadangkan

- **Skim HDB untuk Warga Bujang:** Turunkan umur kelayakan minimum kepada 30 tahun bagi warga bujang untuk memohon flat Bina-Untuk-Pesanan (BTO) atau membeli flat jualan semula HDB.
- **Pelanjutan SERS:** Perluaskan Skim Pembangunan Semula En Bloc Terpilih (SERS) kepada semua estet yang pajakannya hampir tamat, bagi mengekalkan janji nilai aset pemilikan flat HDB.
- **Penghapusan Berperingkat Kuota Etnik:** Laksanakan program perintis selama lima tahun untuk melonggarkan kuota etnik di semua estet HDB. Langkah ini akan membantu pemilik flat daripada kumpulan minoriti menjual flat mereka di pasaran terbuka pada nilai yang lebih adil.

Tema 4

Sokongan Keluarga dan Kadar Kelahiran

Meningkatkan Kadar Kelahiran

Singapura kini berdepan dengan penurunan kadar kelahiran yang membimbangkan. Kita mesti mengambil langkah besar dan berani untuk menjadikan keibubapaan sesuatu yang lebih menarik dan bermakna. Menjadikan kelahiran anak kedua dan/atau ketiga sebagai aset, bukan beban kewangan. Ganjarilah keibubapaan dengan insentif yang signifikan demi masa depan negara.

SPP Mencadangkan

- **Insentif Perumahan untuk Anak Kedua:** Galakkan kadar kelahiran dengan membenarkan ibu bapa yang menimang cahaya mata kedua untuk berpindah ke flat HDB/BTO yang lebih besar, disertai dengan geran perumahan tambahan.
- **Manfaat untuk Anak Ketiga:** Ibu bapa dengan anak ketiga dibenarkan membeli hartanah persendirian tanpa perlu membayar Duti Setem Pembeli Tambahan (ABSD), atau membuat peningkatan perumahan ketiga (HDB/BTO) dengan geran tambahan yang lebih tinggi.
- **Subsidi IVF:** Tawarkan bantuan kewangan kepada pasangan yang memerlukan rawatan IVF untuk memulakan keluarga.

Tema 5 Tadbir Urus dan Kebebasan Demokratik

Kebebasan Politik, Ketelusan, Demokrasi

Selepas enam dekad kemerdekaan, rakyat semakin mendambakan ketelusan yang lebih tinggi, akauntabiliti yang kukuh, serta kepelbagaian suara dalam wacana awam.

SPP Mencadangkan

- **Perwakilan Berkadar:** Cadangkan pindaan Perlembagaan untuk membolehkan sistem perwakilan berkadar, agar parti-parti kecil yang membawa suara berbeza dapat diwakili di Parlimen.
- **Kebebasan Maklumat:** Gubal undang-undang untuk memberikan akses kepada data awam demi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti.
- **Wacana Terbuka:** Kaji semula dan longgarkan undang-undang fitnah untuk menggalakkan wacana terbuka merentas semua lapisan masyarakat.
- **Pengurangan Pembaziran:** Tetapkan pengurangan tahunan sebanyak 2% dalam belanjawan setiap kementerian bagi menghapuskan perbelanjaan kerajaan yang tidak perlu.
- **Pilihan Raya Tetap:** Tetapkan tahun dan tarikh tetap bagi pilihan raya umum untuk memastikan padang permainan yang saksama serta memperkukuh keadilan dalam proses demokrasi.
- **Suruhanjaya Pilihan Raya Bebas:** Alihkan Jawatankuasa Sempadan Pilihan Raya daripada Pejabat Perdana Menteri dan tubuhkan sebuah suruhanjaya pilihan raya bebas bagi menyelia pilihan raya yang bebas dan adil.

Tema 6

Pendidikan dan Kesejahteraan Para Belia

Para Belia, Sistem Pendidikan, Tekanan Mental

Sistem pendidikan masa kini memberi tekanan kepada golongan belia dan ibu bapa, manakala warga emas pula bimbang akan kesejahteraan generasi yang akan datang — di tengah-tengah cabaran kesihatan mental dan keperluan untuk terus relevan dalam dunia yang sentiasa berubah.

SPP Mencadangkan

- **Pembelajaran Diperibadikan:** Kurangkan saiz kelas bagi membolehkan pendekatan pembelajaran yang lebih diperibadikan dan berfokuskan pelajar.
- **Kurikulum Moden:** Beralih kepada sistem yang menekankan penguasaan Kecerdasan Buatan (AI) dan penaakulan berasaskan kemahiran, dengan mengurangkan tekanan peperiksaan dan memperluas pilihan pendidikan vokasional.
- **Sokongan Kesihatan Mental:** Perluaskan perkhidmatan sokongan kesihatan mental di sekolah dan komuniti untuk memenuhi keperluan pelajar secara holistik.
- **Peluang Global:** Benarkan penggunaan simpanan CPF untuk pendidikan tinggi di luar negara, dengan perlindungan sewajarnya bagi memastikan kebajikan pelajar dan pulangan kepada negara.
- **Penglibatan Belia:** Turunkan umur minimum mengundi kepada 18 tahun untuk menggalakkan penglibatan belia dalam proses tadbir urus dan memperkasakan peranan mereka sebagai warganegara yang aktif.

Tema 7

Penjagaan Kesihatan dan Kesejahteraan Mental

Kos Penjagaan Kesihatan, Aksesibiliti & Sokongan Kesihatan Mental

Kos penjagaan kesihatan yang tinggi serta cabaran dalam kesihatan mental terus membebankan warga emas, golongan belia, dan semua yang memerlukan rawatan tepat pada masanya dan mampu diakses.

SPP Mencadangkan

- **Akses Telekesihatan:** Tawarkan subsidi untuk perkhidmatan telekonsultasi kepada warga emas dan golongan berpendapatan rendah.
- **Peluasan Medisave:** Naikkan had pengeluaran kepada SGD 1,200 setahun untuk merangkumi semua bentuk penjagaan kesihatan pencegahan dan rawatan kesihatan mental.
- **Sokongan Penjagaan Warga Emas:** Sediakan subsidi untuk perkhidmatan berkaitan penuaan, dan hadkan kos tanggungan sendiri melalui skim universal yang menyeluruh.
- **Integrasi Kesihatan Mental:** Gabungkan khidmat profesional kesihatan mental di semua poliklinik dan Institusi Khidmat Negara, bagi memastikan akses yang lebih meluas kepada golongan yang memerlukan.
- **Cuti Kesihatan Mental:** Perkenalkan lima hari cuti kesihatan mental tanpa bayaran sebagai langkah sokongan bagi kesejahteraan emosi pekerja.
- **Fokus Pemulihan:** Ringankan Perintah Rawatan Wajib bagi pesalah yang mengalami gangguan mental, dengan penekanan terhadap pemulihan dan integrasi semula ke dalam masyarakat.

Tema 8

Pengangkutan Awam Mampan

Cabaran Pengangkutan Awam, Singapura Hijau

Pengangkutan awam memainkan peranan penting untuk golongan pekerja dewasa, belia, dan warga emas. Namun, kos yang semakin membebankan memberi tekanan kepada isi rumah berpendapatan rendah, sementara tahap kemampanan sistem rel masih jauh ketinggalan. Kami mengutamakan kemampuan, aksesibiliti, dan kecekapan perkhidmatan MRT untuk semua.

SPP Mencadangkan

- **MRT yang Boleh Dipercayai:** Laksanakan pelaburan besar dalam penyelenggaraan sistem MRT bagi memastikan perkhidmatan yang boleh dipercayai, cekap, dan bebas daripada gangguan besar.
- **Perjalanan Bersubsidi:** Tingkatkan subsidi tambang bagi keluarga berpendapatan rendah dan penerima Skim Sokongan Perak, demi meringankan beban kewangan harian mereka.
- **Peralihan Hijau:** Percepatkan elektrifikasi penuh semua bas perkhidmatan awam, dengan menetapkan tarikh akhir baharu pada tahun 2033 — lebih awal daripada sasaran semasa tahun 2040.

Tema 9 Kesepaduan Sosial dan Jati Diri Kebangsaan

*Kebajikan Masyarakat, Ketaksamaan, Sokongan Populasi
Menua, Perbahasan Khidmat Negara*


Ketidaksamaan, keperluan penuaan dan perbahasan mengenai Khidmat Negara (NS) memberi kesan kepada golongan belia, keluarga dan warga emas — sekali gus menguji perpaduan sosial dan nilai kebangsaan kita.

SPP Mencadangkan

- **Gaji Minimum:** Tetapkan dasar gaji hidup — sebagai contoh, SGD 1,500 sebulan — bagi menjamin martabat dan kelangsungan hidup golongan pekerja.
- **Pengagihan Semula Kekayaan:** Naikkan pelepasan cukai bagi kumpulan berpendapatan rendah, tingkatkan cukai pendapatan bagi golongan berpendapatan tertinggi, dan perbanyakkan pemberian baucar CDC kepada pekerja serta keluarga berpendapatan rendah.
- **Sokongan untuk Pengasuh:** Perkenalkan lima hari cuti penjagaan ibu bapa bergaji, serta sediakan subsidi bagi skim perumahan dan perkampungan persaraan yang mesra warga emas.
- **Pembaharuan Khidmat Negara (NS):** Kurangkan tempoh perkhidmatan NS kepada 18 bulan dan naikkan elaun NS kepada 80% daripada purata gaji pasaran, sebagai pengiktirafan terhadap pengorbanan masa dan khidmat mereka.

Komitmen Kami. Keputusan Anda.

Manifesto ini merupakan seruan kepada dialog terbuka, mencerminkan komitmen SPP terhadap masa depan yang inklusif dan kolaboratif. Dengan menangani sembilan tema utama ini, kami mencadangkan sebuah Singapura yang lebih adil dan lebih kukuh — di mana setiap suara dihargai, dan setiap keperluan diberi perhatian. Bersama-sama, marilah kita membina sebuah negara untuk semua generasi.



Menderma



Singapore People's Party

Pasukan SPP memerlukan sokongan sepenuhnya apabila kami bersiap sedia untuk mengemukakan cabaran yang berwibawa dan kompeten kepada PAP dalam Pilihan Raya Umum 2025 yang akan datang. Sumbangan anda akan disalurkan secara langsung kepada semua perbelanjaan kempen — daripada usaha mendekati rakyat hinggalah ke operasi pilihan raya. Setiap dolar amat bermakna.

Jadi Sukarelawan Bersama Kami



Ikuti Kami



www.spp.sg



[@SingaporePeoplesParty](https://www.facebook.com/SingaporePeoplesParty)



[@spp_sg](https://www.instagram.com/spp_sg)

Sejarah Ringkas Parti Rakyat Singapura (SPP)

Parti Rakyat Singapura (SPP) telah didaftarkan secara rasmi pada 21 November 1994 dan sejak itu muncul sebagai antara pemain utama dalam landskap politik pembangkang Singapura di bawah pimpinan Encik Chiam See Tong. Encik Chiam telah mewakili kawasan Potong Pasir di Parlimen sejak tahun 1984, pada mulanya di bawah Parti Demokratik Singapura (SDP) sebelum berpindah ke SPP mulai Pilihan Raya Umum 1997.

Pada tahun 2011, Encik Chiam bertanding di Kawasan Perwakilan Berkumpulan (GRC) Bishan-Toa Payoh, manakala isterinya, Puan Lina Chiam, bertanding di Potong Pasir. Kedua-duanya tewas dengan margin tipis, namun Puan Chiam dilantik sebagai Ahli Parlimen Tanpa Kawasan Pengundian (NCMP), mengekalkan kehadiran suara SPP di Parlimen sehingga tahun 2015.

Pada tahun 2006, Steve menerbitkan sebuah buku berjudul *Dipanggil untuk Berkhidmat*, yang menghimpunkan ucapan dan persoalan Parlimennya. Dalam tempoh lebih empat tahun itu, beliau mengemukakan sebanyak 236 sebutan Parlimen, menyentuh isu-isu penting seperti kebajikan warga emas generasi perintis (yang kemudian mengilhami Pakej Generasi Perintis oleh kerajaan), pembelian awal flat HDB untuk individu bujang, dan subsidi lebih besar bagi pengangkutan awam.

Di bawah kepimpinan beliau, SPP bertanding di GRC Bishan-Toa Payoh dalam Pilihan Raya Umum 2020 dan memperoleh 32.77% undi. Di Potong Pasir, SPP meraih 39.23% undi. Walaupun tidak berjaya memenangi sebarang kerusi, Steve menzahirkan semangat ketabahan dan daya tahan dalam politik, mengambil inspirasi daripada falsafah larian ultra-marathon beliau — satu perjuangan jangka panjang.

Beliau bertekad untuk memecahkan dominasi mutlak PAP di Parlimen dan terus memperjuangkan akauntabiliti serta ketelusan dasar-dasar kerajaan demi rakyat Singapura.

Sudah Tiba Masanya

Masa untuk menghentikan kenaikan kos sara hidup dan gaji yang tidak berubah.

Masa untuk membekukan kenaikan GST dan memastikan bajet negara yang seimbang.

Masa untuk menangani isu susut nilai pajakan HDB.

Masa untuk melonggarkan dasar kuota etnik HDB.

Masa untuk menetapkan kuota pengambilan pekerja tempatan yang lebih tinggi demi gaji yang adil.

Masa untuk menyemak dan menilai semula Perjanjian CECA.

Masa untuk mengurangkan nisbah E-Pas dan kebergantungan dalam sektor yang boleh diautomasikan.

Masa untuk mengiktiraf anak sebagai pelaburan dalam dasar peningkatan aset.

Masa untuk menetapkan tahun dan tarikh tetap bagi pilihan raya dan Parlimen.

Masa untuk melaksanakan perwakilan berkadar dalam Parlimen.

Masa untuk memperkenalkan Akta Kebebasan Maklumat.

Masa untuk meredakan undang-undang fitnah dan penggunaan POFMA.

Masa untuk beralih kepada AI dan pembelajaran berasaskan kemahiran di sekolah.

Masa untuk memperluaskan perkhidmatan dan subsidi kesihatan mental.

Masa untuk menurunkan umur mengundi kepada 18 tahun.

Masa untuk menangani kos penjagaan kesihatan dan cabaran kesihatan mental.

Masa untuk melabur besar dalam penyelenggaraan pengangkutan dan memastikan tiada gangguan besar pada sistem MRT.

Masa untuk mempercepatkan elektrifikasi penuh semua bas menjelang 2033.

Masa untuk menetapkan dasar gaji sara hidup demi maruah kehidupan.

Masa untuk mengurangkan tempoh Khidmat Negara kepada 18 bulan dan meningkatkan elaun NS.

Masa untuk memastikan lebih banyak suara alternatif dan keseimbangan dalam Parlimen.

Sudah tiba masanya untuk bertindak — undi anda boleh mengubahimbangan kuasa di Parlimen.